

13 JUN 1998

Mahathir-DAP

DAP TUNJUK BELANGNYA YANG SEBENAR

KUANTAN, 13 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata tindakan DAP melarang semua anggotanya membuat kenyataan akhbar menunjukkan belang parti itu yang sebenar.

Perdana Menteri berkata bahawa dahulu DAP dengan senang-senang menuduh kerajaan mengamalkan nepotisme sedangkan parti itu sendiri mengamalkan sikap itu.

"Itu saya kata nak tuduh orang senang... tuduh kerajaan tak ada kebebasan akhbar, ini apa dia. Belum jadi kerajaan, kalau jadi kerajaan esok...", kata beliau pada persidangan media selepas merasmikan kilang Pahang Cement Sdn Bhd di Bukit Sagu dekat sini hari ini.

DAP semalam dilaporkan melarang semua anggota membuat kenyataan akhbar berhubung tindakannya menggantung khidmat dua pemimpin kanannya dan melucutkan jawatan seorang lagi.

Dr Mahathir juga berkata parti itu awal-awal lagi mengamalkan nepotisme apabila memilih anak setiausaha agungnya menjadi orang nombor dua parti dan bila anak itu menghadapi masalah, parti itu digunakan untuk mempertahankan anak itu.

(Timbalan Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng, anak kepada Setiausaha Agung parti itu Lim Kit Siang, telah dihukum penjara 18 bulan masing-masing kerana kesalahan hasutan dan penerbitan palsu. Parti itu telah mengadakan ceramah di beberapa negeri bagi mendapatkan sokongan dan simpati terhadap Guan Eng.)

Dr Mahathir berkata parti itu pernah mengutuk kerajaan kerana menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri untuk menangkap tanpa bicara beberapa orang tertentu, tetapi kali ini anggotanya dibicarakan di mahkamah.

"Hakim sudah membuat keputusan, kita kena hormatlah keputusan...dia sudah dibicarakan di mahkamah, bukan saya yang jadi hakim," katanya.

Dr Mahathir berkata semua pihak mesti menghormati kebebasan badan kehakiman.

-- BERNAMA

SBJ MAI